Dalam Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 1/1995 menyatakan bahawa pengurus kurikulum perlu mengambil langkah keselamatan semasa menjalankan program di dalam atau di luar sekolah. Tujuan langkah keselamatan diambil bagi mengelakkan kejadian yang tidak diingini berlaku semasa aktiviti dilakukan. Walau bagaimanapun, insiden berlakunya kemalangan yang tidak dingini berkemungkinan akan berlaku di luar kawalan pihak pengurusan. Antara contohnya seperti murid dihempap palang gol, terkena lontaran peluru, terlanggar tiang gol, dan terjatuh dalam tangki najis adalah merupakan salah satu kemalangan yang berlaku telah membawa kepada kecederaan dan kemalangan jiwa. Oleh disebabkan banyak insiden berlaku semasa aktiviti kurikulum, hal ini menyebabkan timbul isu – isu dan masalah lain kepada sekolah, murid dan orang awam juga. Merujuk kepada Surat Perkeliling Ikhtisas 9/2000, sekiranya kemalangan atau insiden berlaku semasa menjalankan aktiviti kurikulum, pihak sekolah perlu peka dan mengambil tindakan yang wajar untuk menyelesaikan isu tersebut. Hal ini harus di lihat dengan teliti semasa melakukan aktiviti kurikulum di dalam sekolah maupun di luar sekolah.

1.2.2 Masalah Sikap dan Kelayakan

Sikap dan kelayakan dalam kalangan pengendali dan pengajur aktiviti kurikulum adalah faktor penting yang boleh dikaitkan berkaitan ilmu kemahiran dalam kalangan guru. Selain itu, terdapat juga sikap yang tidak menitikberatkan isu keselamatan semasa mengendalikan program kurikulum.





Sikap tidak ambil peduli dan meremehkan pengendalian program kurikulum adalah salah satu sikap segelintir guru kerana bagi mereka aktiviti kurikulum bukanlah satu kepentingan dalam akademik dan hal ini menyebabkan berlakunya pelbagai masalah semasa melakukan aktiviti kurikulum di sekolah. Segelintir guru juga tidak mempunyai minat dalam program sukan atau apa saja aktiviti kurikulum. Malah ianya hanya terdesak atas tugas yang diberikan. (Mahfol, 1999) Kenyataan ini juga disokong oleh Ashaari, (1998); Sidin, (1998); Wee, (1996); Halim, (2005); BPPDP (2008) bahawa sebahagian guru hanya menjalankan tugas mereka secara tidak rela dan mereka mengendalikan aktiviti kurikulum dengan serba kekurangan dari segi kemahiran, pengalaman pengendalian, kefahaman kurikulum dan tidak menitikberatkan objektif dalam kepentingan dasar pendidikan kurikulum.



1.2.3 Masalah Pengurusan

Menurut pernyataan dalam BSSK (2011), jawatan utama yang menjalankan pengurusan dalam kurikulum dan mempunyai tanggungjawab dalam perancangan, pengelolaan, menilai, memantau, melaporkan dan mengiktirafkan pengurusan kurikulum ialah Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Penyelaras Kokurikulum dan Setiausaha Kokurikulum. Selain itu, guru – guru yang terlibat dalam aktiviti kurikulum juga mempunyai tanggungjawab dalam pengurusan risiko di sekolah.

Di dalam kurikulum, perancangan merupakan salah satu perkara penting dalam memastikan pengurusan kurikulum sekolah berjalan dengan lancar. Terdapat





pelbagai masalah dan insiden akan timbul kepada pihak yang melaksanakan aktiviti kurikulum sekiranya pengurusan kurikulum tidak dilaksanakan dengan baik di sekolah (Wee, 1997; Faridah Karim, 1985).

Apakah sebenarnya boleh dipertikaikan mengenai aspek keselamatan yang diabaikan oleh pihak yang bertanggungjawab? Apakah mereka telah dididik dengan *Standard Operation Prosedur* (SOP) berkaitan dengan aktiviti di luar bilik darjah dan berisiko? Apakah dapat dikenal pasti keperluan SOP dan penyelesaian yang lebih efektif dapat dicadangkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) amnya dan Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM)? Amalan pengurusan risiko adalah penting untuk meningkatkan kualiti dalam setiap pengurusan keselamatan dari pelbagai aspek seperti aspek kemahiran, aspek pengetahuan dan kepelbagaian amalan kepada guru dan bakal guru dalam kerjaya mereka. SOP yang baik dan jelas dapat membantu mengurangkan berlakunya kemalangan semasa aktiviti dilakukan.

Kemalangan berlaku yang boleh dikaitkan dengan murid sekolah, murid universiti, guru, pensyarah universiti semasa menjalankan aktiviti kurikulum adalah salah satu tragedi yang boleh dianggap sebagai kemalangan. Kebanyakkan kemalangan yang berlaku semasa menjalankan aktiviti kurikulum dikaitkan dengan aspek keselamatan. Dari sudut ini jelas menyatakan bahawa pengetahuan SOP amat penting dalam menjalankan pelbagai aktiviti terutamanya mereka yang terlibat secara langsung semasa mengendalikan aktiviti kurikulum.



1.2.4 Masalah Kelemahan Garis Panduan dan Latihan

Pelaksanaan kokurikulum di sekolah agak kurang memberangsangkan kerana ianya dijadikan sebahagian proses pendidikan yang agak mengelirukan kepada guru. Menurut Ramlan Abdul Wahab (2004) dasar dan prinsip kokurikulum tidak difahami dan dikuasai sepenuhnya dalam pendidikan boleh menimbulkan masalah kekeliruan dalam pembangunan kemanusiaan bagi melahirkan murid yang mewarisi ciri insan yang seimbang dalam memberi sumbangan kemajuan kepada keluarga, masyarakat dan negara.

Permasalahan ini tidak akan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) dan membimbangkan sekiranya pengurusan sekolah tidak ambil peduli dan tiada tindakan dilakukan dalam pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru. Para guru perlu diberikan latihan yang cukup untuk meningkatkan kemahiran mereka dalam program kokurikulum, pengurusan dan pengendaliannya di sekolah. Manakala Ismail Ibrahim (2007) menyatakan bahawa amalan pengurusan kokurikulum dalam kalangan guru di sekolah berada pada tahap yang rendah. Guru yang kurang pengalaman, kurang cekap mengendali kegiatan aktiviti kokurikulum menjadi isu dalam meningkatkan kualiti amalan pengurusan risiko di sekolah. Selain itu, guru yang tidak mahir dalam menyediakan perancangan aktiviti kokurikulum, perancangan untuk meningkatkan prestasi kokurikulum sekolah dan analisis SWOT dalam aktiviti kokurikulum turut memberi kesan kepada amalan pengurusan risiko di sekolah.

Sebanyak 34.2% masalah yang dialami oleh sekolah di bandar adalah untuk mendapatkan kawasan yang luas bagi melaksanakan aktiviti Pendidikan Jasmani yang



dinilai dalam dapatan kajian Rahim (2004). Perkara ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Pendidikan Jasmani terpaksa dilakukan di kawasan gelanggang terbuka yang kecil sehingga membataskan pergerakan dan ruang yang diperlukan oleh bilangan murid yang ramai dalam satu masa. Meurut kajian oleh Aliet et al. (2014), juga mendapati 80% ibu bapa sangat setuju dengan keadaan padang yang tidak selamat dan sempit, peralatan yang tidak mencukupi, peralatan rosak dan tidak diganti serta kesesakan murid di padang menjadi masalah pelaksanaan PdP Pendidikan Jasmani yang berkesan di sekolah.

Menurut kajian Kilue, D. dan Muhamad, T.A. (2017) menyatakan kemudahan fizikal yang lengkap dan persekitaran sekolah yang selamat memainkan peranan penting dalam memberi kesan kepada pelaksanaan mata muridan Pendidikan Jasmani di sekolah. Namun, kemudahan peralatan fizikal sukan yang kurang menjadi satu masalah dan cabaran kepada sekolah dalam pelaksanaan Pendidikan Jasmani yang berkesan dan lancar sehingga kini masih menjadi isu yang belum selesai. Faktor kekurangan kemudahan dan gelanggang sukan menjadi halangan utama pelaksanaan Pendidikan Jasmani di sekolah orang asli (Ismail & Muhamad, 2016) peralatan yang kurang juga berlaku kerana tidak dikembalikan selepas dipinjam oleh murid. Hal ini boleh dikaitkan dengan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah kerana aktiviti yang dilakukan adalah sama seperti dalam mata muridan Pendidikan Jasmani. Kemudahan sukan tidak mencukupi dan persekitaran sekolah yang tidak bagus akan menjelaskan pelaksanaan aktiviti kokurikulum serta boleh mengundang kemalangan berlaku semasa menjalankan aktiviti.





Selain itu, pelbagai peristiwa kemalangan dan kecederaan yang berlaku yang dilaporkan di dalam akhbar – akhbar Malaysia. Jadual 1.1 menunjukkan kemalangan dan kecederaan yang berlaku akibat aktiviti murid dalam dan luar premis sekolah dari tahun 2000 hingga 2016. Himpunan peristiwa tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan insiden melibatkan kematian, kecederaan di kepala, patah tulang dan luka. Berdasarkan kepada kategori insiden pula, majoriti kematian dalam insiden adalah disebabkan oleh tertimpa objek, kes-kes yang melibatkan tingkahlaku murid seperti leka bermain, kecuaian, mengalami gangguan emosi dan melakukan perbuatan yang melanggar undang-undang. Walaupun bilangan kemalangan yang berlaku ini secara relatifnya adalah rendah jika dibandingkan dengan jumlah murid di seluruh negara, namun kesan akibat kemalangan yang melibatkan kehilangan nyawa tetap serius (Awang, M., & Suyanto, N., 2017)



Laporan Akhbar Kes-Kes Kemalangan dan Kecederaan di dalam dan Luar Premis Sekolah Tahun 2000 Hingga 2016

Tahun	Bulan	Insiden	Lokasi		Mangsa	Kasualiti	
			Kemalangan				
2000	Mac	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid 14 tahun	lelaki	Maut
	Mac	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid 17 tahun	lelaki	Maut
	Apr	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid 14 tahun	lelaki	Maut
2008	Jan	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid 10 tahun	lelaki	Maut

(sambungan)



Jadual 1.1 (*sambungan*)

2010	Nov	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid	lelaki	Maut
					8 tahun		
2011	Sept	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid	lelaki	Maut
					11 tahun		
2012	Feb	Di sambar petir		Padang Sekolah	Murid	lelaki	Maut
					11 tahun		Cedera
					- 3 murid dan seorang guru		
2013	Feb	Di sambar petir		Padang Sekolah	Murid	lelaki	Cedera
					17 tahun		
	Jul	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid	lelaki	Maut
					14 tahun		
2014	Apr	Disambar petir		Padang Sekolah	Murid	lelaki	Cedera
					13 tahun		
2016	July	Tiang tumbang	gol	Padang Sekolah	Murid	lelaki	Maut
					14 tahun		

Sumber: *Pendekatan Keselamatan dan Kesejahteraan Murid untuk Sekolah-Sekolah di Malaysia.* (Awang, M., & Suyanto, N., 2017).

Menurut Jani et al, (2020) dalam kajiannya menyatakan berita mengenai insiden kemalangan yang berkaitan dengan komplikasi kesihatan berlaku pada bulan April 2010 di mana seorang murid lelaki meninggal dunia akibat serangan jantung ketika menghadiri acara sukan tahunan sekolahnya di Bukit Mertajam (*Borneo Post Online*, 2010). Kejadian serupa berlaku di sebuah sekolah rendah di Merapoh ketika seorang budak lelaki Tahun Enam meninggal dunia akibat tekanan darah tinggi dan



masalah jantung ketika menghadiri kejohanan sukan pada tahun 2015 (Pahang Media, 2015). Pada tahun 2019, seorang murid tingkatan empat rebah dan tidak sedarkan diri ketika mengambil bahagian dalam acara larian pada hari sukan tahunan, dan meninggal dunia beberapa minit setelah tiba di hospital (Sinar Harian, 2019). Terkini, murid berusia 16 tahun yang meninggal dunia setelah melakukan latihan merentas desa di sekolah dilaporkan (Hamsuddin, 2020).

Selain itu, berita kematian disambar petir ketika bermain bola sepak (*MStar News Online*, 2013) melibatkan seorang murid Maahad Tahfiz Al-Furqan di Teluk Intan dan seorang lagi di Shah Alam juga dinyatakan. Kemudian pada bulan April 2016, terdapat berita mengenai kejadian kemalangan yang melibatkan seorang murid sekolah Tahun Satu yang mati akibat gigitan ular ketika bermain dengan rakan-rakan di halaman sekolah (Abdul Rahim & Subaryati, 2016) dan diikuti oleh beberapa insiden gigitan ular liar di kawasan sekolah turut dinyatakan sebagai permasalahan yang berlaku dalam kajian (Jani et al, 2020). Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk menilai penilaian amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kokurikulum sekolah.

1.3 Latar Belakang Amalan Pengurusan Risiko

Kajian ini bertujuan untuk menilai penilaian amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Pengurusan risiko adalah lebih sesuai digunakan berbanding pengurusan keselamatan. Pengurusan risiko sesuai digunakan untuk memperlihat kepada suatu proses untuk mengukur, menilai dan menyelia risiko kepada tahap yang



boleh digunakan berkaitan pengurusan kemudahan sukan dan permainan di sekolah. Manakala pengurusan keselamatan lebih cenderung kepada mengelak risiko berlaku bagi memastikan aktiviti dapat berjalan tanpa sebarang kecederaan dan masalah. Hal ini menunjukkan bahawa pengurusan risiko berbeza dengan pengurusan keselamatan kerana elemen risiko digunakan sebagai medium untuk membantu mengayakan pengalaman dan kemahiran individu yang menyertai aktiviti, kesedaran berkaitan pengurusan risiko dan bahaya aktiviti perlulah di beri perhatian yang jelas agar semua aktiviti yang dijalankan. Menurut *Risk Management Standard 4360:2004*, risiko ditakrifkan sebagai satu kebarangkalian yang boleh memudaratkan dan memberi kesan yang negatif kepada organisasi dan objektif itu sendiri.

Risiko boleh ditakrifkan sebagai bahaya atau kemungkinan pendedahan kepada bahaya (Farmer et al, 1996). Teori mengukur risiko adalah sangat telus dan mudah. Terdapat tiga kaedah asas yang boleh digunakan untuk mengukur risiko iaitu kaedah relatif, kaedah kebarangkalian kejadian dan kaedah kadar pendedahan relatif (Mitchell & Feigley, 2002). Risiko merujuk kepada kemungkinan kehilangan atau peristiwa buruk yang berpotensi mengganggu kestabilan entiti awam atau keupayaan untuk memenuhi misi yang telah ditetapkan. Risiko adalah kemungkinan kerugian dan kerosakan yang dijangka bakal berlaku (Kementerian Pengajian Tinggi, 2003).

Risiko merupakan sebahagian daripada elemen yang wujud dalam kehidupan manusia. Tanpa menerima risiko untuk jatuh dan cedera, individu tidak dapat belajar untuk menunggang basikal dan menjalankan aktiviti fizikal yang lain. Individu sememangnya mendapat ilmu pengetahuan dan juga berdasarkan pengalaman yang ditempuhi. Dalam perniagaan juga pengurusan risiko amat diperlukan dalam konsep



strategi perniagaan. Ini adalah di mana, pelbagai jangkaan dibuat untuk produk supaya dapat bersaing di pasaran dan berkemungkinan juga boleh menyebabkan sesuatu tindakan undang-undang diambil serta risiko kerugian daripada aspek kewangan jika sesuatu produk dan perkhidmatan yang diberi tidak sempurna dan bermutu.

Menurut Bernstein (1996) perkataan risiko berasal daripada perkataan Itali iaitu *risicare* yang membawa maksud berani. Risiko wujud apabila hasil jangkaan yang telah dibuat adalah berbeza dengan jangkaan awal. Risiko adalah merupakan elemen bahaya yang disebabkan oleh sesuatu yang tidak menentu (Appenzeller, 2005). Risiko juga adalah berbeza-beza dan bergantung kepada industri dan organisasi itu sendiri.



Appenzeller (2005) menjelaskan bahawa pengurusan risiko merupakan satu istilah yang telah dicipta oleh pakar-pakar yang merangkumi semua strategi yang diperlukan bagi menangani risiko tersebut. Pengurusan risiko telah menjadi sebahagian daripada persekitaran organisasi swasta dan korporat selama bertahun lamanya. Objektif pengurusan risiko adalah untuk memelihara aset dan sumber kewangan organisasi dan untuk mencapai kestabilan kewangan dengan mengurangkan potensi kerugian (Kaiser, 1986). Menurut Clement (2004), pengurusan risiko ialah satu proses pengenalpastian, penilaian dan kawalan kehilangan harta benda, pelanggan, pekerja dan orang ramai. Pengurusan risiko juga dapat ditakrifkan sebagai suatu usaha untuk mengurangkan kerugian dan meningkatkan keyakinan orang ramai bahawa aktiviti sukan yang dijalankan adalah selamat (Appenzeller, 1998). Menurut Cassidy (2020), perkembangan pesat kemahiran sains dan teknologi yang canggih





pada masa kini menyebabkan pengurusan risiko berada pada suatu tahap yang lebih baik dan diamalkan dalam organisasi. Walaupun pada masa kini kemahiran sains dan teknologi amat penting dalam pembangunan manusia dan ekonomi, namun kepesatan kecanggihan ini juga memberi sedikit sebanyak kesan yang buruk kepada pelbagai aspek yang mendarangkan pelbagai risiko kepada persekitaran, alam sekitar, mahupun kehidupan social. Dari pelbagai sudut yang boleh dilihat dan dinilai, perkara ini adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan dan dipandang serius supaya kepelbagaian risiko yang mungkin berlaku dapat diatasi dan dielakkan pada masa yang datang.

Menurut Hitesh. B, (2019) pengurusan risiko adalah satu proses mengenal pasti, menganalisis dan menilai apa-apa sahaja perkara yang boleh memberi ancaman atau peluang kepada organisasi. Faktor – faktor seperti kewangan tidak stabil, bahagian pengurusan strategik, kekurangan dan kelemahan perkhidmatan guaman, kemalangan dan bencana alam tidak diduga merupakan antara akibat yang wujud sebagai risiko dalam organisasi. Dari segi makna lain, pengurusan risiko merupakan satu kaedah yang digunakan dalam menganalisis potensi risiko yang bakal atau dijangka berlaku pada masa akan datang. Selain itu pengurusan risiko amat penting diamalkan dalam organisasi atau program bagi membuat penilaian dan merancang tindakan untuk mengatasi risiko. Setiap perkara yang berlaku sama ada kemalangan kecil atau besar menjadi pengalaman dan iktibar kepada pihak pengurusan untuk membuat pelan kecemasan bagi meningkatkan kualiti pengurusan risiko pada masa akan datang. Menurut Kendall and Stuart (1979 dalam Coleman, 2011), amalan pengurusan risiko digunakan sebagai satu seni yang perlu dimuridi dalam sesebuah organisasi kerana amalan pengurusan risiko diajar untuk mengurangkan kadar





kemalangan berlalu dalam organisasi serta mampu menilai kualiti pengurusan pada masa akan datang.

Menurut (Redja, 2011; Wong & Chen, 2010), pengurusan risiko ini bertujuan untuk mencegah dan meminimumkan semua jenis bencana. Sehubungan dengan itu, dengan pengurusan risiko sebegini, sekurang-kurangnya ia dapat mengenal pasti ketidak pastian yang perlu diurus, dikawal, dan dijaga di semua peringkat apabila terlibat dalam aktiviti tersebut. Pengurusan risiko ini juga merupakan faktor utama yang mempengaruhi pengurusan pendidikan luar dan juga mempengaruhi sebarang status keselamatan yang boleh menyebabkan sebarang jenis kecederaan. Di mana tahap kada kemalangan meningkat ialah apabila penyertaan dalam aktiviti di luar sekolah khususnya dapat memberi gambaran yang sangat negatif.



Menurut Azhar Susanto dan Meiryani (2008), kemalangan yang berlaku atau risiko merupakan sebahagian dalam kehidupan seseorang individu maupun organisasi. Secara langsung atau tidak, individu atau organisasi akan sentiasa berdepan dengan kemalangan atau risiko tanpa diduga sepanjang hidup. Pentakrifan risiko pada masa kini telah luas dan berkembang pesat tidak terhad kepada satu makna sahaja. Pada awal 1950-an, risiko mempunyai definisi dalam skop program sains angkasa, nuklear dan kewangan seperti yang dinyatakan oleh Eriksson (2010) berkembang kepada bidang lain iaitu pembinaan, klinikal, perubatan dan tenaga. Menurut Hopkins (2010), risiko berkembang dalam pelbagai aspek lain juga mengikut pengedaran masa. Menurut Nicolae (2011), risiko berkembangan sehingga kepada penerokaan dan pembangunan struktur pengurusan risiko dalam pelbagai bidang. Contohnya bidang pendidikan, Kementerian Pendidikan turut mengamalkan amalan





pengurusan risiko dalam pelbagai aspek dan ia memainkan peranan penting dalam menguruskan risiko dalam organisasi.

Menurutu Hillson (2016), kemalangan yang berlaku atau risiko yang berlaku dalam menguruskan organisasi dan program boleh dijadikan iktibar dan kesan negatif dalam pencapaian objektif organisasi atau program. Manakala ianya juga boleh dijadikan kesan positif dalam meningkatkan kualiti pengurusan risiko pada masa akan datang. Dalam organisasi, risiko merupakan salah satu penyebab ketidakpastian yang wujud dalam pengurusan organisasi. Selain itu, risiko adalah penyebab kemungkinan berlakunya kemalangan, kerosakan, kecederaan, kerugian atau apa – apa situasi yang menyebabkan organisasi tersebut menanggung liabiti sama ada dalam atau diluar organisasi tersebut. Dalam aspek ini, risiko adalah penghalang atau cabaran yang menyebabkan perancangan dan kelancaran program atau perkhidmatan yang ingin disampaikan terganggu. Selain itu, risiko akan menganggu pencapaian target visi dan misi yang dirancang pada awalnya. Manakala Kementerian Pendidikan Malaysia telah meletak "Pendidikan Berkualiti, Insan Terdidik, Negara Sejahtera" sebagai visi organisasi. Visi yang digunakan ini boleh tercapai dengan jayanya jika organisasi dapat menguruskan dan membendung risiko yang berlaku dalam organisasi. Kaedah mengenalpasti, menganalisis, menilai dan mengatasi risiko boleh dilakukan dalam mengawal risiko yang berlaku. Oleh itu, KPM haruslah memantau dan meneliti para guru mengajar dan para murid belajar bagi mencapai visi dan misi yang digunakan.

Dalam dunia sukan, kemungkinan risiko kemalangan bakal berlaku sememangnya tidak dapat dielakkan. Di dalam sukan, risiko merupakan satu dimensi besar yang tidak dapat dihalang kerana bila – bila sahaja tanpa diduga kemalangan





dan risiko boleh berlaku. Menurut Duch (2002), dalam aktiviti sukan, kecederaan dan kerugian atau kerosakan dalam organisasi sukan membawa maksud kepada berkemungkinan peserta mengalami kecederaan semasa bersukan, kerugian atau kerosakan pula merujuk kepada kerosakan harta benda dan kerugian – kerugian lain kepada organisasi dan pihak – pihak yang terlibat. Di dalam sukan, risiko amat berkait rapat dengan kecederaan semasa menjalankan aktiviti sukan dan kerugian serta kerosakan kemudahan yang digunakan (Miller & Veltri, 2003). Risiko dalam sukan boleh juga didefinisikan sebagai kemungkinan perkara akan berlaku yang menyebabkan aktiviti sukan tergantung dan tidak lancar seperti yang dirancang mengikut kepada klasifikasi atau jenis risiko yang timbul.

Menurut Ross (2005) pula menjelaskan bahawa mengklasifikasikan risiko

dalam sukan adalah kecederaan, risiko kerosakan kemudahan sukan, risiko kewangan, risiko prestasi organisasi dan sebagainya. Selain itu, mengklasifikasikan risiko dalam sukan juga dikaitkan dalam kerugian ekonomi seperti yang diperkatakan oleh Issac (2009).

Seterusnya, kemalangan yang berlaku seperti kecederaan peserta adalah salah satu perkara yang berkemungkinan besar akan berlaku dan ianya tidak dapat dihalang dan dikawal oleh pihak pengurusan. Risiko kecederaan merupakan risiko yang berpunca daripada sifat permainan dan aktiviti spesifik semasa menjalankan aktiviti sukan dan persekitaran mereka (Liebert, 2009). Sebagai contoh, sukan bola sepak dan ragbi mempunyai kes kecederaan yang teruk daripada sukan tidak bersentuhan fizikal seperti berenang, larian. Sukan yang terdedah kepada kecederaan dan kemalangan memberi peluang yang agak tinggi kepada atlet untuk mengalami kecederaan semasa





menjalani aktiviti sukan. Misalnya seperti permainan bola sepak yang melibatkan pemain bertembungan dalam perlawanan. Hal ini menyebabkan pemain berkemungkinan akan mengalami kecederaan yang serius dan boleh menyebabkan pemain tersebut terpaksa berhenti main bola sepak seketika. Hal ini akan memberi kesan negatif kepada prestasi pasukan atau perlawanan akan datang. Antara contoh lain ialah pada tahun 2015, Kejohanan Bola Sepak Australia (AFT) menunjukkan bahawa kemenangan pasukan dalam kejohanan tersebut berpihak kepada pasukan yang mempunyai jumlah kecederaan yang terendah dan pasukan yang boleh mengawal risiko kecederaan dengan baik. Selain itu, menurut Juga, Hardman dan Stensel (2009) menjelaskan kecederaan dalam aktiviti sukan boleh menyebabkan peserta membuat tuntutan mahkamah terhadap kemalangan yang berlaku. Hal ini akan membebankan organisasi dan berkemungkinan juga akan meningkatkan kos insuran pada masa akan datang.



Dalam majlis sukan atau organisasi sukan akan mendedahkan risiko yang memainkan peranan penting dalam organisasi atau pengurusan sukan iaitu kerugian kewangan. Kehilangan jangkaan pendapatan dalam pengurusan sukan sering berlaku dan hal ini akan mengakibatkan risiko kerugian kewangan kepada organisasi. Kerugian kewangan dalam pengurusan sukan ini sering berlaku apabila dikaitkan dengan masalah tanggungjawab terhadap kes – kes yang berlaku semasa aktiviti sukan berlangsung atau mana – mana pasukan menarik diri daripada aktiviti sukan yang dijemput. Tymoshenke (2013) melaporkan bahawa *Euro Soccer Championship* telah mengalami kerugian kewangan yang sangat kritikal ketika pasukan menarik diri daripada perlawanan di Ukraine. Selain itu, Miles (2013) turut mengeluarkan kes undang – undang yang mengaitkan isu Ridolfi Rlett dengan penganjur sukan Trinidad





High School. Hasil daripada laporan menunjukkan bahawa pelatih sekolah didapati bersalah kerana Ridolfi Rlett mengalami gegaran otak semasa menjalani latihan, dan juri memberikan ganti rugi kepada penggugat sejumlah 11.5 juta dolar. Selain itu, Juga, Miles (2013) turut menerbitkan kes sukan yang lain melibatkan pentadbir Sukan Las Awaras County di Mexico yang mengalami kerugian kewangan sebanyak 3.1 juta dollar. Apabila sesuatu anjuran program sukan gagal dalam pengurusan kewangan, matlamat objektif aktiviti sukan akan menyebabkan produktiviti organisasi menjadi lemah dan organisasi akan berdepan dengan pelbagai masalah. Selain itu, menurut Kotecki (2009) berpendapat bahawa sebuah organisasi terkesan daripada kerugian dalam sesuatu aktiviti sukan melibatkan penyingkiran atlet dari pertandingan kerana atlet tidak boleh membayar kos aktiviti tersebut. Selain itu organisasi akan kehilangan sumber manusia dan menyebabkan organisasi tidak mencapai matlamat yang ingin dicapai.



Bagi mewujudkan objektif aktiviti sukan yang berjaya, kemudahan sukan yang selamat perlu dititikberatkan. Kerosakan kemudahan sukan semasa aktiviti sukan akan menimbulkan pelbagai isu dan masalah kepada organisasi. Kemudahan sukan yang tidak diselenggara dan dijaga boleh menyebabkan kemalangan berlaku semasa menggunakanannya. Antara faktor yang menyebabkan kerosakan kemudahan sukan adalah seperti hakisan, banjir, kerosakan kemudahan, kemudahan tidak diselenggara, kemudahan tidak dicuci selepas menggunakanannya. Menurut Orchard (2007) dalam kajiannya menjelaskan bahawa kes penyebab semula jadi terhadap kerosakan kemudahan sukan dan rekreasi Universiti of Iowa Utara adalah disebabkan oleh ribut. Manakala menurut Collin (2010) pula menyatakan bahawa banjir adalah asbab kerosakan kemudahan sukan sebanyak 5 juta pound di California dan Queen





Elizabeth, manakala 11 taman serba guna di gereja Christ, New Zealand, dengan kapasiti 25,000 orang rosak akibat gempa Canterbury yang berlaku pada tahun 2010. Seterusnya menerusi *The Daily California* (2010) melaporkan bahawa empat remaja telah merosakkan kemudahan sukan UC Berkeley dan kes vandalisasi ini menyebabkan kerosakan yang bernilai 3000 – 5000 dolar. Tidak ketinggalan Powell (2014) melaporkan bahawa penonton yang tidak bermoral menyebabkan kerosakan yang besar pada kemudahan sukan di Carine yang berada di Utara Perth dengan membakar jaring pemukul besbol, dan menyebabkan kerugian sekitar 60,000 dolar.

Namun begitu menurut Leape, Berwick, dan Bates (2002) kecederaan sememangnya boleh dielakkan atau dikurangkan jika aktiviti dan latihan serta penggunaan alatan dapat diurus tadbir dengan baik. Beliau juga menyarankan bahawa penggunaan dan penyelenggaraan peralatan yang lebih baik ditambah dengan kempen dalam mempromosikan pentingnya pengurusan risiko dan keselamatan melalui penglibatan jurulatih dan juga pengurus. Dalam mencapai matlamat ini, jurulatih dan pengurus sukan perlulah memahami asas-asas kejurulatihan dan pengurusan risiko terlebih dahulu (Appenzeller & Lewis, 2000). Selaras dengan kajian Collin (2013) bahawa risiko kecederaan dalam sukan adalah tinggi, justeru itu pentadbiran dan individu yang terlibat harus mempunyai tanggungjawab untuk mengawal dan mengurangkan risiko dengan sebaik mungkin.

Terdapat beberapa definisi yang amat sesuai dengan pengurusan risiko dan masih relevan sehingga hari ini. Risiko boleh ditakrifkan sebagai bahaya atau kemungkinan pendedahan kepada bahaya (Farmer, Mulrooney & Amman, 1996). Teori mengukur risiko adalah sangat telus dan mudah. Terdapat tiga kaedah asas yang



boleh digunakan untuk mengukur risiko iaitu kaedah reaktif, kaedah kebarangkalian kejadian dan kaedah kadar pendedahan relatif (Mitchell & Feigley, 2002). Risiko merujuk kepada kemungkinan kehilangan atau peristiwa buruk yang berpotensi mengganggu kestabilan entiti awam atau keupayaan untuk memenuhi misi yang telah ditetapkan. Risiko adalah kemungkinan kerugian dan kerosakan yang dijangka bakal berlaku (Kementerian Pengajian Tinggi, 2003).

Peringkat keselamatan individu berbeza-beza dan bergantung pada situasi dan kepada keadaan dan persekitaran semasa. Keselamatan secara umum boleh ditakrifkan sebagai keadaan bebas daripada bahaya di persekitaran sekeliling. Keadaan selamat di mana situasi boleh berlaku akibat kemalangan, kemalangan, kecederaan atau kematian. Jika ia tidak dijaga, ia boleh mendarangkan masalah dan pengalaman dalam aktiviti seluruh masyarakat. Industri perkhidmatan, sukan dan hiburan seringkali mempunyai isu berkaitan dengan pengurusan risiko dan prosedur keselamatan. Ini adalah kerana sesetengah individu dalam masyarakat mempunyai sensitiviti dan keprihatinan yang rendah terhadap keselamatan, serta kesedaran pengurusan individu yang tidak mencukupi. Beberapa institusi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Manusia, seperti Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negeri (NIOSH) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) sentiasa mempromosikan kewaspadaan keselamatan, kursus, cadangan dan nasihat. Ini secara tidak langsung bertindak sebagai proses jangka panjang untuk memupuk sikap orang ramai menjadi lebih prihatin tentang keselamatan kegiatan yang dilaksanakan.

Selain daripada itu, aktiviti pendidikan luar juga boleh berkait rapat dengan aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah. Hal ini kerana, aktiviti yang



dijalankan adalah lebih kurang sama baik di dalam mahupun di luar kawasan sekolah. Pendidikan menggunakan pelbagai sumber dari luar bilik darjah merupakan sebahagian daripada pendidikan luar, di mana ianya selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Konsep pendidikan murid di luar mahupun di luar bilik darjah atau di luar sekolah tertumpukan kepada mengimbangi keperluan seseorang murid.

Hal ini adalah dari semua aspek jasmani, emosi, rohani, intelek dan sosial (JERIS). Perkara ini juga sesuai dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bertujuan untuk membangunkan dan memupuk insan yang seimbang dan harmonis dalam semua aspek kehidupan serta dapat menyumbang kepada keharmonian sejagat seperti keluarga, masyarakat, dan kemakmuran negara.

Melalui sebahagian daripada program pendidikan luar ini, salah satu sumber luar yang digunakan untuk mempertingkat dan menambah baik program pengajaran dan pembelajaran kurikulum dan kokurikulum sedia ada serta program pembelajaran bersama ialah pembangunan domain kognitif, psikomotor dan afektif. Ia juga bertujuan untuk memperkenalkan murid kepada dunia luar dari sudut pertalian alam sekitar, dan tindakan tersebut secara tidak langsung dapat menggalakkan rasa tanggung jawab terhadap kualiti alam sekitar. Pendedahan awal terhadap keperluan untuk memastikan pewaris dapat melindungi alam sekitar dan melindungi alam sekitar, bukannya memusnahkan flora dan fauna, dan ini selari dengan mengekalkan kelestarian pendidikan. Pendidikan luar ini dijalankan dalam proses saluran pembelajaran berdasarkan gerak kerja yang dibangunkan secara tersusun. Pelbagai aktiviti telah disediakan dan dilaksanakan melalui pembangunan tersebut, justeru, pendidikan luar benar-benar dapat meningkatkan kualiti penglibatan sosial murid.





dalam berkomunikasi dengan rakan, masyarakat, dan dapat meningkatkan disiplin diri murid itu sendiri.

Pada era globalisasi ini, program-program berbentuk aktiviti luar ini telah menarik perhatian di sekeliling masyarakat (Harper, 2004 & Flores, 2012). Ini adalah bersesuaian dengan kajian Mohd Noor & Mohamad (2014), yang juga berpendapat bahawa pendidikan luar adalah satu bidang yang mempunyai unsur sukan dan reaksi dalam pelbagai aktiviti. Di Malaysia sendiri, pendidikan luar ini boleh bertindak sebagai pemangkin untuk meningkatkan kemahiran operasi murid dan meningkatkan kecergasan fizikal mereka melalui aktiviti-aktiviti lasak yang dijalankan di luar sekolah (Md Taff, 2012). Pendidikan luar telah dimulakan sejak peradaban awal manusia (Neill, 2002). Secara umumnya, ia boleh ditakrifkan sebagai program yang berdasarkan pendidikan yang dijalankan di luar bilik darjah bagi mencapai pembangunan modal insan yang seimbang selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

1.3.1 Latar Belakang Pengurusan Risiko Aktiviti Kokurikulum

Sekolah ada kalanya berdepan dengan risiko dalam aktiviti kokurikulum berpunca daripada kecuaian, persekitaran aktiviti yang tidak selamat, kualiti pengurusan dan kejurulatihan yang tidak mahir serta akibat bencana alam. Kes – kes seperti sesat dihutan, kecederaan dan gangguan mental menyebabkan ia menjadi buruk. Keadaan akan bertambah sukar jika berlakunya insiden kematian dan menimbulkan tanggapan negatif dalam kalangan ibu bapa. Marinah Awang dan Norhazwani Suyanto (2017),





pula menyatakan golongan ibu bapa yang terlalu obses dengan isu keselamatan anak mereka sanggup mengambil langkah berwaspada dengan tidak membenarkan anak – anak mereka menyertai sebarang aktiviti sekolah kerana risau akan berlaku sesuatu yang tidak diingini.

Aktiviti kokurikulum boleh dijalankan secara individu, berkumpulan atau dalam satu kelompok besar. Justeru, aspek keselamatan menjalankan aktiviti kokurikulum adalah elemen yang sangat penting dan perlu diberi focus. Aspek pengurusan risiko wajib sentiasa ditekankan mengikut matlamat dan tujuan aktiviti dijalankan. Pihak sekolah perlu menggunakan kepakaran jurulatih yang mempunyai sijil pengiktirafan yang sah atau guru yang mempunyai kemahiran serta tahu mengendalikan aktiviti permainan dan kokurikulum. Kajian oleh Ahmad Esa dan Mustaffa (2015) menjelaskan amalan pengurusan risiko harus diadakan oleh jurulatih untuk membentuk keadaan yang selamat dan mengelak jurulatih daripada didakwa di mahkamah kerana kecuaian.

Selain itu, jika guru tidak mengambil berat terhadap pengendalian pengurusan risiko maka sesuatu kejadian yang tidak diingini mampu berlaku. Guru mahupun jurulatih disekolah memainkan peranan utama bagi menguruskan keselamatan murid sepanjang aktiviti kokurikulum dilaksanakan. Kajian yang dijalankan oleh Haslinda et al. (2017) tentang kompetensi guru dengan hubungannya dengan pencapaian kokurikulum murid berpendapat bahawa guru yang terbeban apabila melaksanakan aktiviti kokurikulum kurang bersungguh dan tidak bermotivasi melakukan tugas mereka. Sikap tidak prihatin, sambil lewa dan tidak menghiraukan faktor risiko boleh



menjadi penyebab berlakunya kecederaan. Keadaan ini juga menjelaskan pencapaian kokurikulum murid.

1.4 Pernyataan Masalah

Kelemahan amalan pengurusan risiko dalam pengurusan organisasi merupakan antara kelemahan yang ketara dan utama dalam menyumbang kecederaan dan kemalangan semasa melakukan aktiviti kokurikulum. Pihak sekolah dan guru yang bertanggungjawab masih lemah dalam memberi keutamaan terhadap aspek amalan pengurusan risiko. Perkara ini dapat dilihat setiap kali belanjawan negara dibentangkan oleh Perdana Menteri yang menyatakan bahawa penumpuan hanya diberikan terhadap penganjuran aktiviti dan juga penyediaan kemudahan-kemudahan rekreasi baru. Pihak kerajaan lebih cenderung untuk menjalankan dan menganjurkan program-program sukan di sekolah atau luar sekolah daripada melihat kepada aspek amalan pengurusan risiko yang diamalkan di kemudahan-kemudahan yang disediakan secara berkala. Menurut Bekker dan Finch (2016), badan-badan antarabangsa, kebangsaan dan organisasi sukan di peringkat komuniti seharusnya bekerjasama dalam meletakkan tahap keselamatan dan pengurusan risiko dengan memberi garis panduan yang jelas dan sistematik.

Kegagalan pengurusan dalam aspek proses pemeriksaan kemudahan merupakan permasalahan yang kedua dalam pengurusan risiko aktiviti kokurikulum di sekolah. Merujuk kepada Surat Perkeliling Iktisas Bil 9/2000 dan 2016 mentafsirkan bahawa semua peralatan hendaklah direkod dan diselenggara mengikut Tatacara Pengurusan Aset yang sedang berkuatkuasa. Kemudahan sukan di sekolah



yang tidak melaksanakan proses pemeriksaan daripada aspek penggunaan dan jangka hayat mampu mengundang bahaya kepada murid dan guru semasa menggunakannya. Setiap kemudahan perlu mempunyai jadual pemeriksaan yang disimpan sebagai salah satu senarai semak untuk rujukan pemeriksaan yang seterusnya. Kegagalan melakukan pemeriksaan kemudahan semestinya mengundang masalah jika kemalangan dan kecederaan yang tidak diingini berlaku. Secara tidak langsung hal ini memberi implikasi terhadap keselamatan murid, guru dan juga pihak sekolah. Pemeriksaan dan penyelenggaraan perlu dilakukan jika ada kerosakan atau sebarang tanda dapat dikesan pada kemudahan yang disediakan. Kemalangan, kerosakan dan seumpamanya sama ada untuk tempoh jangka masa panjang atau sebaliknya akan berlaku sekiranya pihak sekolah dan guru tidak menyelenggara kemudahan sukan dengan betul (Shahrul Bazlin, 2003). Manakala Miller dan Gary (2003) menjelaskan

di dalam penyelidikannya bahawa kesan positif kepada pengguna jika pengurusan mengurus dengan sempurna dalam setiap program tetapi ianya akan memberi risiko jika pengurusan tersebut mempunyai masalah dan mengakibatkan kecederaan berlaku.

Permasalahan yang ketiga yang boleh dikaitkan ialah berkaitan isu prosedur penyelenggaraan oleh pengurusan yang terlibat. Pihak sekolah perlulah peka dengan prosedur penyelenggaraan kemudahan dijalankan kerana setiap prosedur penyelenggaraan perlulah direkodkan agar memudahkan sistem simpanan rekod sedia ada seperti disebutkan dalam Surat Perkeliling Iktisas Bil 9/2000 dan 2016. Selain itu, sesetengah kemudahan-kemudahan sukan di sekolah diselenggarakan oleh pihak kontraktor yang dilantik kerana terdapat kemudahan yang memerlukan kepakaran yang tinggi dalam aspek penyelenggaraan. Proses penyelenggaraan yang tidak





dijalankan dengan baik kemungkinan penggunaan kemudahan mengakibatkan kecederaan kepada murid dan guru.

Seterusnya pihak sekolah dan guru yang kurang kemahiran dan tiada kelayakan dalam urusan pengendalian kemudahan sukan turut memberi kesan negatif dalam pengurusan risiko di sekolah. Pihak sekolah dan guru seharusnya diberikan latihan dan bimbingan dalam pengurusan risiko semasa melakukan aktiviti kokurikulum di sekolah. Hal ini kerana guru yang terlatih dan mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini diperlukan agar segala risiko dapat dikenalpasti serta dapat melakukan langkah-langkah pencegahan dan sebagainya. Guru mesti mengikuti kursus yang dapat meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran, di luar kelas. Di samping itu, guru mesti mengetahui peraturan keselamatan dan menerangkannya secara proaktif sehingga dapat menarik minat murid untuk mempraktikkan pengurusan risiko secara konsisten. Walaupun guru bukan pakar, mereka dapat merujuk pada modul yang disiapkan dalam mengendalikan risiko terhadap murid. Murid-murid ini mesti didedahkan dengan pengurusan risiko diri untuk menolong diri mereka sendiri sekiranya berlaku kecemasan (Santhanadass, A. R et al, 2020)

Pihak pengurusan sekolah seperti guru penolong kanan kokurikulum, setiausaha kokurikulum, guru penyelaras kokurikulum, dan guru penasihat kokurikulum mempunyai tanggungjawab utama dalam melaksanakan kegiatan kokurikulum dari aspek perancangan, pengelolaan, menilai, memantau, melaporkan dan menambahbaikan. Terdapat beberapa guru kokurikulum gagal menjalankan tugas mereka kerana mereka kekurangan kompetensi dan kemahiran dalam menguruskan



aktiviti kokurikulum (Ahmad Esa et al, 2015). Pelbagai insiatif disarankan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam menjaga keselamatan murid dengan merancang program pendidikan pengurusan risiko murid dalam sistem pendidikan negara. Golongan pendidik perlu merancang, mendidik, menilai amalan pengurusan risiko dengan teliti dalam memastikan sesuatu aktiviti yang dilakukan berjalan dengan lancar. Menurut Fatimah Mustafa & Ahmad Esa (2015) menyatakan bahawa guru harus lebih bersedia menjalankan tugas memantau keselamatan murid serta mengurus risiko dengan baik.

Disamping itu, sikap kurang prihatin dalam kalangan guru juga menjadi punca terjadinya sesuatu situasi yang berisiko. Menurut Zalina Mohd Tahir (2014), kecekapan dan kebijaksanaan serta kesanggupan seseorang guru dalam merancang, melaksana, menilai serta melakukan penambahbaikan terhadap sesuatu program dapat mengukur tahap keberkesanan pelaksanaan kokurikulum murid di sekolah. Menurut Kalaiselvan, P., & Daud, M. (2021), guru yang kurang berpengalaman mengendalikan sebarang aktiviti yang berisiko juga menjadi masalah. Dalam kalangan guru mempunyai pemahaman konsep pengurusan risiko yang berbeza dalam pelaksanaan kokurikulum di sekolah. Menurut Azwan (2015), guru yang mempunyai latar belakang yang berbeza, pengalaman yang kurang, pengetahuan yang kurang serta tidak mempunyai minat terhadap untuk mengurus aktiviti kokurikulum dan dianggap sebagai beban kepada mereka dan tidak mengambil peduli dari aspek keselamatan dan kecederaan semasa menjalankan aktiviti.

Selain itu, isu keselamatan persekitaran sekolah semakin meruncing. Persekitaran sekolah menjadi tempat berlakunya proses pengajaran yang formal dan



bukan formal. Beberapa dapatan kajian menunjukkan, adanya hubungan yang erat antara persekitaran pembelajaran dan hasil pembelajaran, sama ada kerana pencapaian atau kejayaan mereka. (Ahmad et al., 2010; Fraser, 2012; Noh & Moore ,2008; Mokhtar, 2012; Ismail, 2001; Kilue & Muhamad, 2017). Menurut Dicken Kilue dan Tajul Ariffin Muhammad (2017), menyatakan terdapat sekolah yang menghadapi masalah dari segi mendapatkan kawasan padang dan gelanggang yang luas serta selamat untuk digunakan. Hal ini menyebabkan pelaksanaan kokurikulum dilakukan dikawasan gelanggang terbuka yang kecil sehingga menghadkan pergerakan ruang yang diperlukan, bagi bilangan murid yang ramai. Oleh kerana isu ini menyebabkan guru dan murid mudah terdedah kepada kemalangan dan kecederaan semasa melakukan aktiviti kokurikulum. Permasalahan ini juga boleh dikaitkan dengan isu pengurusan risiko sama ada sekolah bandar dan juga sekolah luar bandar. Hal demikian kerana tidak terdapat kajian yang spesifik kepada mengkaji pengurusan risiko atau aktiviti kokurikulum berkaitan perbezaan sekolah bandar dan sekolah luar bandar. Oleh itu, penyelidik melakukan kajian ke atas pengamalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum sukan dan permainan antara sekolah bandar dan sekolah luar bandar di negeri Perak.

Permasalahan lain yang boleh diberikan adalah berkaitan dengan pengurusan program sukan yang dianjurkan di pihak sekolah. Program yang dianjurkan haruslah menepati dengan kemampuan kemudahan yang ada. Program sukan haruslah lebih dititik beratkan dari aspek penggunaan kemudahan kerana melibatkan fizikal murid dan kemampuan murid untuk melakukan aktiviti tersebut. Program yang dirancang haruslah bersesuaian dengan tahap dan kemampuan mereka. Aktiviti yang bermula





dari tahap intensiti yang rendah dan berperingkat dikategorikan sebagai selamat dan sesuai dilakukan (*School of Rural Public Health*, 2005).

Selain itu juga, menurut Santhanadass, A. R et al (2020), guru mesti berusaha untuk mendapatkan pengiktirafan keselamatan agar aktiviti di luar kelas dapat dijalankan dengan lancar dan yakin. Penekanan guru dalam menjalankan aktiviti di sekitar lokasi aktiviti harus diberi perhatian serius dan juga berwaspada terhadap perubahan cuaca dan faktor luaran lain mesti dipertimbangkan agar kejadian yang tidak diingini dapat dielakkan. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan di luar kelas mendedahkan murid kepada risiko kecederaan yang boleh menyebabkan kehilangan nyawa, kerana kurangnya pengetahuan asas keselamatan mengenai risiko atau potensi kecederaan, dan cara menghindarinya.



Di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia, 2013-2025 menjelaskan penglibatan dalam aktiviti kokurikulum memberikan murid peluang untuk membangunkan bakat dan minat mereka di luar persekitaran bilik darjah yang formal.

Akan tetapi, pengurusan risiko di dalam aktiviti kokurikulum menjadi salah satu isu yang hangat dipertikai dan diperkatakan oleh sebilangan masyarakat. Dalam aktiviti kokurikulum di sekolah, terdapat beberapa isu yang berkait rapat dengan pengurusan risiko yang agak tinggi berlaku di sekolah. Oleh kerana isu – isu ini timbul, pengurusan risiko dalam pelaksanaan kokurikulum tidak teratur dan tidak boleh dirancang dengan baik. Menurut Marinah Awang dan Norhazwani Suyanto (2017), kes – kes kemalangan, kecederaan dan kematian yang berlaku dalam kalangan murid sehingga hari ini, masih berlaku tidak kira sama ada dalam atau diluar sekolah.



Oleh disebabkan kemalangan dan kecederaan yang sering berlaku kepada murid, keadaan ini mencetus satu kerisauan dan kegusaran kepada ibu bapa dan masyarakat mengenai tahap keselamatan dan pemantauan terhadap murid di sekolah.

Keciciran, ponteng sekolah, buli dan masalah disiplin daripada risiko yang berlaku adalah salah satu kegagalan murid untuk mendapat pendidikan yang berkualiti. Selain itu, sekiranya guru tiada integriti, tidak dapat memberi pendidikan sempurna kepada murid dan mengambil sikap pilih kasih dan sebagainya boleh menyebabkan halangan bagi pencapaian misi dan visi. Masalah ini akan memberi isu yang besar kepada negara dan dunia pendidikan. Selain itu ianya menyebabkan wujudnya satu kegagalan besar kepada pembangunan insan, bangsa dan negara yang maju dan berjaya pada masa hadapan. Hal ini boleh dikaitkan dengan organisasi yang akan turut terdedah kepada kerugian dan kegagalan dalam mencapai objektif jika pengurusan risiko tidak dapat diurus dengan baik. Tindakan dalam mengawal risiko dapat membantu meminimakan risiko yang berlaku dalam organisasi dan tidak memberi kesan negatif yang teruk kepada organisasi.

Menurut Pertubuhan Keselamatan Sosial - PERKESO (2018), keselamatan murid menjadi perhatian kerana peningkatan jumlah kemalangan yang berlaku di sekolah setiap tahun, terutama dalam aktiviti pembelajaran di luar bilik darjah. Terdapat 118 kes yang dilaporkan sepanjang 2018, kes yang merangkumi kematian akibat lemas. Tambahan pula, kecederaan seperti patah tulang, terkehel, terseliuh, dan Bengkak pada bahagian badan merupakan 41,872 kes kemalangan. Ini tidak termasuk 372 kes yang berkaitan dengan kesan cuaca yang dilaporkan. Angka-angka ini menunjukkan kesan daripada tidak mempunyai Prosedur Operasi Standard (SOP)



yang benar-benar tertumpu kepada murid dalam mengurus dan mengajar murid mengelak bahaya berlaku dan cara menolong seseorang apabila ada kecederaan atau untuk menyelamatkan nyawa.

Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) memperkenalkan Sekolah Selamat pada tahun 2002 dan program OSH '*In School*', namun program ini dihentikan kerana kekurangan dana. Ini menunjukkan bahawa masalah pengurusan risiko murid dalam menguruskan kecederaan tidak mempunyai jalan penyelesaian. Walau bagaimanapun, teori kemalangan oleh Petersen (1982), menunjukkan bahawa jika murid itu sendiri diajar bagaimana menangani kecederaan dan cara untuk mengenal pasti risiko di tempat aktiviti, maka kemalangan atau risiko kecederaan dapat dielakkan. Ini disokong oleh Boyes, Potter, Andkjaer, & Lindner, (2018); Carty (2015); Gstaettner, Lee & Rodger (2018); Martínková, & Parry, (2017).

Sehingga kini masih belum ada instrumen penilaian amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kurikulum sukan dan permainan di sekolah. Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk mengukur penilaian amalan pengurusan risiko di sekolah memerlukan satu instrumen penilaian yang mempunyai piawai nilai kesahan dan kebolehpercayaan. Dengan adanya instrumen penilaian risiko yang piawai ini dapatlah penyelidik melihat adakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kurikulum sukan dan permainan antara guru mengikut jantina dan lokasi sekolah. Selain itu, penyelidik turut menilai adakah faktor umur, pengalaman mengajar dan tempoh penglibatan guru dalam aktiviti kurikulum sukan dan permainan mempengaruhi amalan pengurusan risiko di sekolah.





Di dalam sesuatu pertandingan sukan memerlukan pemerhatian dan pemantauan yang penting terhadap persekitaran latihan atau kawasan yang digunakan bagi menjamin keselamatan kepada atlet. Fasiliti sukan yang berkualiti dan terjamin selamat sama ada di sekolah atau universiti amat penting dan perlu dititikberatkan dalam meningkatkan atlet aktif dalam sukan fizikal dan latihan. Menurut Forrester (2014) dalam kajiannya menjelaskan bahawa terdapat 38 buah kolej dan universiti di seluruh Amerika Syarikat dengan bilangan murid sebanyak 33,500 melibatkan diri dalam kajian beliau dan hasil kajian menunjukkan bahawa 90% murid yang aktif dalam sukan menyatakan bahawa mereka menghabiskan sekurang-kurangnya 30 minit semasa menggunakan kemudahan sukan yang disediakan di dalam kolej atau universiti.



Selain daripada kemudahan sukan, persekitaran juga memainkan peranan penting dalam faktor keselamatan yang baik dan selamat sama ada di sekolah, kolej atau universiti. Menurut Asiah dan Rosli (2009) serta Anuar (2010) dalam kajian mereka menjelaskan bahawa kepuasan atlet di institusi pengajian tinggi semakin tinggi dibincangkan dan dikaji terutamanya dalam aspek keselamatan dan persekitaran yang selamat dalam sukan. Di dalam pengurusan risiko, tahap kepuasan atlet memainkan peranan yang amat penting bagi melahirkan seorang atlet yang berjaya dan mencapai prestasi yang sangat baik. Oleh itu, kepuasan atlet dalam latihan atau kejohanan memainkan peranan penting kerana ianya akan melibatkan pengurusan risiko dalam organisasi bagi menjamin keselamatan kepada atlet untuk menjalankan latihan dan perlawanan sukan (Jaffry et al, 2015; Fatimah, 2015).





Di Malaysia kini, sebarang masalah berkaitan amalan pengurusan risiko mahupun di sekolah atau pengajian tinggi menjadi satu masalah dan kerisauan kepada masyarakat serta mendapat liputan media sosial berkaitan kes – kes kemalangan dan kecederaan yang berlaku. Pada masa kini, mengambil tindakan dari mahkamah ke atas pihak pengurusan sukan telah menjadi satu tren atau adat yang sudah lama meresap ke dalam dunia sukan dan pendidikan di Malaysia (Tie, 2002). Seperti kes – kes saman kepada pihak sekolah sebelum ini, ibu bapa sering mendakwa guru dan jurulatih di mahkamah atas kecuaian dan kegagalan mereka dalam mengurus pengurusan di sekolah. Ketiadaan perancangan pengurusan risiko terutamanya dalam sukan menyebabkan kes saman menyaman makin banyak dan memberi masalah kepada pelbagai pihak. Antara contoh yang boleh dikaitkan adalah kegagalan penyeliaan seperti kecuaian mengambil langkah efektif menyebabkan murid buta mata kiri semasa bermain hoki (Malaysia, 2010). Selain itu, terdapat juga isu murid mati lemas semasa menjalani aktiviti sukan (Malaysia, 2011). Selain itu, kes kecuaian jurulatih dalam memeriksa ikatan tali semasa aktiviti abseling menyebabkan atlet patah tulang tapak kaki semasa melakukan aktiviti sukan (IPGKPM, 2011).

Dapat dilihat khabar berita berkaitan murid atau atlet kemalangan ketika menjalani latihan atau aktiviti sukan, hal ini amat merbahaya kepada atlet lebih lagi atlet yang daripada kalangan murid. Asha Hasnimy dan Mat Azmin (2011), semasa seseorang atlet berlatih atau bertanding mempunyai implikasi kecederaan yang ketara ke atas badan bukan sahaja boleh membahayakan keselamatan malah boleh mendatangkan maut kepada atlet tersebut. Memandangkan kekerapan kemalangan yang tinggi dalam industri sukan ia telah menimbulkan pelbagai komplikasi yang negatif. Komplikasi yang negatif ini adalah kebimbangan penjaga dan ibu bapa untuk



membenarkan anak-anak mereka terlibat dalam aktiviti sukan kerana dikhawatir akan mendatangkan risiko kecederaan (Mawarni, Lee, Zarina & Rosli, 2006). Oleh itu, pihak pentadbiran sukan di universiti seperti Pusat Sukan di bawah seliaan jurulatih seharusnya peka terhadap keselamatan dan menangani faktor-faktor yang boleh mendatangkan risiko serta kecederaan terhadap atlet di bawah jagaan mereka demi kejayaan yang berharga terhadap diri atlet dan universiti.

Sektor industri sukan dan aktiviti rekreasi sangat berkait rapat dengan aspek pengurusan yang mempunyai kredibiliti khusus dalam melaksanakan amalan pengurusan risiko yang selamat. Komitmen terhadap amalan ini dapat meningkatkan lagi permintaan dan minat dari kalangan penggiat rekreasi sekali gus dapat menaikkan ekonomi pelancongan dan kerjaya dalam bidang sukan dan rekreasi. Menurut (Sharp et al, 2010) aspek keselamatan merupakan “core value” organisasi dalam memberikan perkhidmatan kepada pengguna. Penglibatan aktiviti rekreasi lasak sangat berkait rapat dengan risiko terhadap sesiapa yang melibatkan diri dalam aktiviti tersebut, namun adalah penting dalam mengutamakan keselamatan diri dari terdedah kepada punca risiko dalam menjalankan aktiviti (Fulbrook, 2017). Menurut (Noroozi et al, 2013) menyatakan faktor kelalaian akibat daripada kurang pengalaman dan kompeten dalam melaksanakan tugas menyebabkan berlakunya kecederaan ringan. Aktiviti sukan dan rekreasi sentiasa terdedah kepada kesan pelbagai isu keselamatan sebelum, semasa, dan selepas aktiviti dijalankan. Kebanyakan kemalangan berlaku di kawasan rekreasi adalah kerana peralatan permainan yang tidak selamat, kemampuan fizikal, dan kelalaian pihak penjaga untuk memantau (Gul, 2012). Manakala menurut (Jamilah Abdullah, 2014) pula menyatakan bahawa



tindakan biasa yang dilakukan ialah pemantauan, penyelenggaraan dan perancangan bagi mengatasi daripada berlakunya kemalangan dan kecederaan.

Menghapuskan risiko kemalangan adalah sesuatu yang mustahil kerana kemalangan yang terjadi adalah sesuatu kesan diluar jangkaan tetapi ia dapat dicegah dan dikurangkan melalui amalan pengurusan risiko yang baik. Menurut kajian (Fatima et al, 2015) menjelaskan antara model pengurusan risiko moden jurulatih sukan yang sedia ada adalah seperti model Hronek dan Spengler pada tahun 2002, manakala Carpenter telah memperkenalkan model pengurusan risiko beliau pada tahun 2000, Seterusnya model terawal yang wujud adalah model Fuller pada tahun 1999 model yang diasaskan oleh Dan Vann Der Smissen pada tahun 1990 yang telah digunakan dalam memberi tumpuan terhadap aspek keselamatan dalam sukan.

Amalan pengurusan risiko sukan memberi penekanan terhadap empat komponen mengurus iaitu pengenalpastian, penilaian, pemilihan dan perlaksanaan operasi. Manakala terdapat beberapa teori berkaitan pengurusan risiko yang telah dikaji oleh beberapa pakar dalam aktiviti rekreasi yang sesuai untuk diadaptasikan antaranya adalah teori penyebab kemalangan domino. Teori kemalangan domino menjelaskan beberapa faktor punca kemalangan berkaitan peralatan antaranya adalah kemudahan sukan yang tidak diselenggara dan serta kemudahan sukan lama yang tidak selamat digunakan. Teori ini selari dengan pandangan Mohd Sharif, 2011 menyatakan bahawa punca faktor manusia adalah kerana kurang pengetahuan, kemahiran serta motivasi, kesediaan fizikal dan mental pekerja. Manakala menurut Sekendiz, 2011 menyatakan kelengkapan sukan yang tidak baik adalah akibat daripada kelemahan penyelenggaraan yang tidak mencukupi.





Aktiviti atau program rekreasi bertujuan untuk mencabar fizikal, mental dan emosi setiap peserta. Walaupun persediaan yang teliti dan tepat, arahan, nasihat perubatan dan peralatan, masih terdapat risiko kecederaan serius ketika mengambil bahagian dalam sebarang aktiviti rekreasi. Tidak dapat dijangka bahawa tidak semua bahaya dan boleh diramalkan atau tidak kepastian tentang berlakunya kerugian (Rejda, 2011). Menurut Redja, 2011 beliau menyatakan bahawa pengurusan risiko adalah sebagai satu tindakan untuk mengawal kemalangan dan kerugian berbentuk kewangan serta kecederaan dalam situasi yang tidak dapat dijangka atau disengajakan. Bergantung pada aktiviti tertentu, peserta memahami bahawa risiko tertentu, bahaya dan kecederaan akibat cuaca buruk, tergelincir, jatuh, tahap kemahiran yang kurang baik atau kelakuan yang tidak baik, alatan yang tidak mencukupi atau rosak, tiada arahan peraturan serta pengawasan yang betul, dan semua yang lain keadaan yang wujud dalam aktiviti rekreasi dalaman dan luaran.

1.5 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk :-

- i. membina instrumen penilaian amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kokurikulum sekolah.
- ii. bertujuan menentukan kesahan dan kebolehpercayaan bagi menghasilkan satu instrumen baru yang piawai.
- iii. menilai tahap perbezaan amalan pengurusan risiko dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah berdasarkan jantina guru, lokasi sekolah.



- iv. bertujuan menentukan adakah faktor umur, tempoh mengajar dan penglibatan guru dalam aktiviti kurikulum sukan dan permainan sekolah dapat mempengaruhi amalan pengurusan risiko di sekolah.

1.6 Objektif Kajian

Secara khusus, objektif kajian adalah untuk:

- i. Menentukan kesahan pembinaan item-item instrumen penilaian amalan pengurusan risiko aktiviti kurikulum yang diamalkan di sekolah terpilih di Perak.
- ii. Menentukan perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kurikulum di antara guru lelaki dan perempuan dari sekolah terpilih di Perak.
- iii. Menentukan perbezaan tahap amalan konstruk proses pemeriksaan, konstruk proses penyelenggaraan, konstruk kakitangan pengurusan, konstruk pelan kecemasan, konstruk reka bentuk kemudahan, konstruk pengurusan program, konstruk maklumat pengguna dan konstruk polisi insuran dalam aktiviti kurikulum di antara guru lelaki dan perempuan dari sekolah terpilih di Perak.
- iv. Menentukan perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kurikulum di antara sekolah bandar dan luar bandar dari sekolah terpilih di Perak.
- v. Menentukan perbezaan tahap amalan konstruk proses pemeriksaan, konstruk proses penyelenggaraan, konstruk kakitangan pengurusan, konstruk pelan kecemasan, konstruk reka bentuk kemudahan, konstruk pengurusan program, konstruk maklumat pengguna dan konstruk polisi insuran dalam aktiviti



kokurikulum di antara sekolah bandar dan luar bandar dari sekolah terpilih di Perak.

- vi. Menentukan kesan pengaruh umur, pengalaman mengajar dan tempoh penglibatan guru dalam aktiviti kokurikulum sekolah ke atas tahap amalan pengurusan risiko sekolah terpilih di Perak.

1.7 Persoalan Kajian

- i. Apakah nilai kesahan pembinaan item-item instrumen penilaian amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum yang diamalkan di sekolah terpilih di Perak mempunyai kesahan konstruk?
- ii. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum antara guru lelaki dan perempuan dari sekolah terpilih di Perak?
- iii. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan risiko konstruk proses pemeriksaan, konstruk proses penyelenggaraan, konstruk kakitangan pengurusan, konstruk pelan kecemasan, konstruk reka bentuk kemudahan, konstruk pengurusan program, konstruk maklumat pengguna dan konstruk polisi insuran dalam aktiviti kokurikulum di antara guru lelaki dan perempuan dari sekolah terpilih di Perak?
- iv. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum antara sekolah bandar dan luar bandar dari sekolah terpilih di Perak?
- v. Adakah terdapat perbezaan tahap amalan pengurusan risiko konstruk proses pemeriksaan, konstruk proses penyelenggaraan, konstruk kakitangan





- pengurusan, konstruk pelan kecemasan, konstruk reka bentuk kemudahan, konstruk pengurusan program, konstruk maklumat pengguna dan konstruk polisi insuran dalam aktiviti kokurikulum di antara sekolah bandar dan luar bandar dari sekolah terpilih di Perak?
- vi. Adakah terdapat kesan pengaruh umur, pengalaman mengajar dan tempoh penglibatan guru dalam aktiviti kokurikulum sekolah ke atas tahap amalan pengurusan risiko sekolah terpilih di Perak?

1.8. Hipotesis Kajian

Kajian ini bertujuan menguji hipotesis seperti berikut:



HO 1 Mendapat kesahan item – item soal selidik dalam setiap konstruk

HO 2 Terdapat perkaitan signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah di Perak

HO 3 Terdapat perkaitan signifikan antara guru lelaki dan guru perempuan dalam tahap amalan pengurusan risiko berdasarkan konstruk – konstruk yang diuji seperti proses pemeriksaan, proses penyelenggaraan, kakitangan pengurusan, pelan kecemasan, reka bentuk kemudahan, pengurusan program, maklumat pengguna dan polisi insuran aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah Perak

HO 4 Tidak terdapat perkaitan signifikan sekolah bandar dan sekolah luar bandar dalam tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah di Perak





HO 5 Tidak terdapat perkaitan signifikan sekolah bandar dan sekolah luar bandar dalam tahap amalan pengurusan risiko pengurusan risiko berdasarkan konstruk – konstruk yang diuji seperti proses pemeriksaan, proses penyelenggaraan, kakitangan pengurusan, pelan kecemasan, reka bentuk kemudahan, pengurusan program, maklumat pengguna dan polisi insuran aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah Perak

HO 6 Tidak terdapat perkaitan signifikan antara factor umur, pengalaman mengajar, tempoh penglibatan guru dalam aktiviti kokurikulum sukan dan permainan terhadap tahap amalan pengurusan risiko aktiviti kokurikulum sukan dan permainan sekolah di Perak



1.9 Kepentingan Kajian



Terdapat beberapa kepentingan kajian dalam kajian ini. Antara kepentingan kajian adalah:

- i. Dapat memberi kesan positif kepada pihak-pihak yang berwajib dalam pengamalan pengurusan risiko dan kemudahan di sekolah dengan lebih sistematik
- ii. Dapat memberi idea dan membantu pihak sekolah dan guru menjalankan tindakan yang bersesuaian bagi mengurus kemudahan sukan dan mengamalkan pengurusan risiko dengan baik dan konsisten
- iii. Guru dapat meningkatkan ilmu pengetahuan dalam mengamalkan pengurusan risiko di sekolah dan mengurangkan berlakunya kemalangan yang tidak diingini.





- iv. Murid dan guru akan kerap kali menggunakan kemudahan sukan terkini dan canggih sepanjang melakukan aktiviti kokurikulum di sekolah.
- v. Dapat membantu meningkatkan kualiti pengurusan risiko ke tahap yang lebih baik, penilaian yang sewajarnya adalah perlu bagi mendapat informasi yang penting dan tepat
- vi. Dapat menyumbang idea kepada pengkaji masa hadapan untuk melakukan kajian yang lebih terperinci dan menarik tentang amalan pengurusan risiko sama ada di sekolah atau industri sukan di Malaysia.

1.10 Batasan Kajian

Setiap kajian haruslah mempunyai batasan kajian tertentu yang akan mempengaruhi dapatan kajian yang dijalankan. Batasan kajian yang disebabkan kelemahan yang berlaku akibat perkara yang tidak dapat dikawal oleh penyelidik dikenali sebagai limitasi.

Antara batasan kajian yang boleh dinyatakan adalah:

- i. Jumlah persampelan guru sukan untuk kajian ini adalah dipilih secara *stratified sampling*.
- ii. Kajian dilakukan berdasarkan kajian – kajian lepas berkaitan amalan pengurusan risiko.
- iii. Walaupun sukar untuk memperoleh data tetapi kajian ini dapat dilakukan dengan sempurna.





1.11 Definisi Operasional

Kajian yang dilakukan ini adalah berkaitan amalan pengurusan risiko yang diamalkan di sekolah terpilih di negeri Perak. Manakala sampel kajian adalah guru – guru sekolah yang terpilih.

1.11.1 Amalan

Menurut Kamus Dewan Pustaka (2004), amalan merupakan sesuatu perbuatan atau tingkah laku yang dilakukan seseorang dalam mempratikkan sesuatu perkara dalam hidup.



1.11.2 Pengurusan Risiko

Menurut Brown (2001) menjelaskan bahawa pengurusan risiko ialah suatu proses yang sistematik dalam mengenal pasti pendedahan peserta kepada risiko dan mengambil apa-apa juga tindakan untuk meminimumkan impaknya.

1.11.3 Risiko

Risiko adalah kemungkinan kerugian dan kerosakan yang dijangka bakal berlaku (Kementerian Pengajian Tinggi, 2003). Faktor ataupun elemen yang melibatkan





sesuatu bahaya yang tidak menentu dan kemungkinan mengalami sesuatu perkara yang membahayakan diri (Franzetti, 2011). Dalam kajian ini, risiko adalah merupakan bahaya yang berlaku di persekitaran kemudahan sukan di sekolah.

1.11.4 Guru

Menurut Kamus Dewan Pustaka (2004), guru ialah individu sebagai pendidik yang mengajar murid supaya mahir dalam muridan yang wujud di sekolah. Di dalam kajian ini, guru adalah responden bagi kajian yang ingin dijalankan.



Menurut Kamus Dewan Pustaka (2005), aktiviti korikulum yang merupakan sebahagian daripada korikulum asas; kegiatan (aktiviti) ~ aktiviti yang diajar di dalam atau diluar bilik darjah. Aktiviti kokurikulum merupakan aktiviti lain selain mata muridan yang penting di sekolah seperti kegiatan persatuan, badan beruniform dan aktiviti sukan dan permainan.

1.11.6 Sukan dan Permainan

Menurut Kamus Dewan Pustaka (2005), sukan dan permainan adalah segala kegiatan yang memerlukan ketangkasan atau kemahiran serta tenaga (seperti acara padang,





permainan bergu atau perseorangan seperti kayak, tenis, badminton dan lain - lain) yang dilakukan sebagai acara hiburan (acara pertandingan, kegiatan untuk menyihatkan badan, dan lain – lain.

1.11.7 Proses Pemeriksaan

Menurut Sekendiz (2011), proses pemeriksaan merupakan perkara penting semasa menguruskan dan mengurangkan risiko berlakunya kecederaan dan kemalangan. Proses pemeriksaan yang bersistematik oleh kakitangan pengurusan yang bertugas dapat membantu mengelakkan dari berlakunya kecederaan dan kemalangan terhadap pengguna kemudahan sukan di sekolah. Pemeriksaan dan penyelanggaraan adalah

perlu jika sekiranya ada kerosakan dan kecacatan.



1.11.8 Prosedur Penyelenggaraan

Penyelenggaran merupakan aspek yang penting berkaitan pengurusan kemudahan sukan di sekolah. Proses kerja ini dilakukan bagi memelihara peralatan dan juga kemudahan dalam keadaan yang baik (Richard Hsio, 2005). Secara asasnya, penyelenggaraan diklasifikasikan kepada kerja-kerja yang dijalankan bagi membaiki dan juga membetulkan kemudahan dan peralatan yang rosak agar dapat digunakan dan berfungsi dengan baik.





1.11.9 Kakitangan Pengurusan

Kakitangan merupakan sumber manusia yang bekerja di sebuah organisasi dalam pelbagai tingkat pengurusan. Secara asasnya, kakitangan merujuk kepada guru yang bekerja di sekolah – sekolah di Malaysia. Pekerja yang cekap, dipercayai dan bertanggungjawab tentang skop kerja serta tugasnya dapat membantu pengurusan sekolah meningkatkan prestasinya (Kristin, 2005). Guru yang berpengalaman dan mempunyai ilmu pengetahuan yang jelas tentang skop kerjanya dapat membantu pihak sekolah meminimumkan risiko yang ada.

1.11.10 Pelan Kecemasan



Pelan tindakan kecemasan atau pelan kecemasan adalah merupakan satu sistem di mana jika berlaku sesuatu kemalangan atau bencana kakitangan yang bertanggungjawab dapat melaksanakan tindakan mengikut sistem dan prosedur-prosedur yang telah ditetapkan (Alzamani Mohammad, 2008). Secara asasnya, pelan kecemasan merujuk kepada kaedah atau sistem yang digunakan oleh guru di sekolah jika berlaku kemalangan yang melibatkan pengguna atau murid. Menurut Anderson, Ronald, Douglas dan Todd (2002), pelan kecemasan perlu dibangunkan oleh guru di sekolah dengan mengambil kira keperluan dari agensi kecemasan setempat.





1.11.11 Reka Bentuk Kemudahan

Reka bentuk kemudahan adalah berkaitan dengan kemudahan yang disediakan iaitu kemudahan yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang telah dibina oleh agensi bertanggungjawab. Selain itu juga, reka bentuk kemudahan ini mempunyai kaitan dengan penempatan kemudahan sukan di dalam kawasan sekolah. Dave (2006), berpendapat bahawa pelbagai tafsiran menentukan kecacatan pembinaan dan umumnya kecacatan reka bentuk kemudahan ini malah terdapat juga pelbagai undang-undang negeri, definisi mahkamah dalam menentukan kecacatan pembinaan kemudahan sukan ini. Seterusnya, ia dapat dibahagikan kepada empat kategori iaitu kekurangan reka bentuk, kekurangan bahan dalam pembinaan, kelemahan dalam pembinaan dan masalah permukaan lantai.



1.11.12 Pengurusan Program

Elemen pengurusan program merupakan antara faktor yang mempengaruhi seseorang individu menyertai aktiviti-aktiviti yang dianjurkan. Dalam konteks ini, program membawa maksud apa sahaja program yang dianjurkan di sekolah akan memberi implikasi positif kepada pengguna sama ada murid atau guru. Kelemahan dalam pengurusan program memberi pelbagai implikasi yang negatif terhadap program yang dijalankan. Menurut Razhan Othman (2001), pengurusan program yang baik dapat meningkatkan kualiti organisasi dari aspek pengurusan. Kecekapan pengurusan merupakan satu prasyarat dalam memastikan kejayaan sesuatu program.





1.11.13 Maklumat Pengguna

Maklumat pengguna adalah merujuk kepada pengisian maklumat peribadi pengguna sebelum menggunakan sebarang kemudahan sukan yang disediakan. Pihak pengurusan iaitu pihak sekolah juga menyediakan borang untuk di isi oleh pengguna sebelum menggunakan kemudahan yang telah disediakan bagi memberi pelindungan insuran dan sebagainya.

1.11.14 Polisi Insuran

Polisi insuran adalah dokumen yang mengandungi kontrak insuran dan ianya mengandungi rancangan tindakan yang telah dipersetujui secara rasmi sebagai asas untuk membuat sesuatu keputusan atau tindakan. Polisi insuran merujuk kepada amalan pendaftaran polisi insuran sebelum sesuatu aktiviti dijalankan sama ada terhadap kakitangan mahupun pengguna kemudahan sukan. Polisi insuran amat penting sama ada kepada murid mahupun pihak pengurusan sekolah.

1.11 Rumusan

Bab ini telah menghuraikan perkara yang menjadi keperluan kepada kajian yang dijalankan oleh penyelidik. Di dalam bab ini termasuklah berkaitan latar belakang kajian, masalah kajian dan persoalan kajian. Tujuan kajian, objektif kajian serta kepentingan kajian juga telah dibincangkan. Bab ini juga menekankan beberapa isu





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

55

yang menjadi kekangan dalam menjalankan kajian ini. Akhir sekali, beberapa definisi operasi dan istilah penting yang terdapat dalam kajian ini juga telah diperjelaskan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi